UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH PERTAHANAN SIBER, SYARIKAT TELEKOMUNIKASI MULA LAKSANA INTEGRASI MYDIGITAL ID

CYBERJAYA, NOVEMBER 30, 2025 – Bermula esok, rakyat Malaysia akan menikmati tahap keselamatan digital yang lebih kukuh susulan pelaksanaan integrasi teknologi pengesahan identiti MyDigital ID oleh semua syarikat telekomunikasi ke dalam aplikasi mudah alih masing-masing.

Inisiatif nasional ini bertujuan melindungi pengguna daripada panggilan *scam*, penyamaran identiti dan penipuan yang sering berlaku melalui penggunaan nombor SIM yang tidak disahkan atau disalahgunakan. Ini bagi memastikan setiap nombor telefon mudah alih dipadankan kepada identiti yang sah dan dipercayai.

Dengan sokongan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan diselaraskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), langkah ini merangkumi tiga komponen utama, iaitu:

1. **Pengesahan Nombor Prabayar Sedia Ada (*Whitelisting*)**
   - Pengguna boleh menyemak semua nombor prabayar yang berdaftar di bawah nombor MyKad mereka bagi mengesahkan bahawa nombor-nombor tersebut benar-benar milik pengguna.
   - Langkah ini mampu menghalang penjenayah daripada menyalahguna nombor yang didaftarkan menggunakan MyKad yang dicuri atau tanpa pengetahuan pemilik.
2. **Pendaftaran Kad SIM Baru**
   - Semua kad SIM prabayar baru dibeli perlu disahkan melalui aplikasi syarikat telekomunikasi menggunakan MyDigital ID.
   - Ini bagi memastikan nombor baru tidak boleh diaktifkan menggunakan maklumat pengenalan milik orang lain.
3. **Log Masuk MyDigital ID ke Aplikasi Syarikat Telekomunikasi**
   - Pengguna boleh memilih untuk log masuk ke aplikasi syarikat telekomunikasi mereka menggunakan MyDigital ID.
   - Pilihan ini memberikan kaedah log masuk yang lebih selamat sekali gus dapat membantu mencegah pengambilalihan akaun, *phishing* dan akses tanpa kebenaran.

Menurut **Ketua Eksekutif NACSA, Ir. Dr. Megat Zuhairy Megat Tajuddin**, “Pelaksanaan ini mungkin berbeza antara penyedia perkhidmatan. Ada yang memulakan dengan satu komponen dahulu, ada yang melaksanakan dua, manakala kesemua tiga komponen akan dilaksana secara berperingkat.

“Walau apapun gabungannya, matlamat inisiatif ini tetap sama iaitu memastikan penjenayah tidak lagi dapat menyeleweng kad SIM yang tidak disahkan sebagai laluan kegiatan jenayah mereka.

“MyDigital ID memainkan peranan penting kerana proses pengesahan identitinya merujuk terus kepada rekod rasmi Kerajaan yang diselia oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

“Inisiatif yang membabitkan pelbagai pemegang taruh ini turut memperkukuhkan pelaksanaan Pelan Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2025-2030 yang diterajui NACSA, bagi memastikan ekosistem siber negara kekal selamat dan berdaya tahan daripada ancaman semasa dan akan datang.

“Kami amat menghargai bantuan SKMM dalam mempermudah cara dan menyelaras inisiatif nasional ini.”

Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID, Nik Hisham Nik Ibrahim berkata, “Nombor telefon sering disalahguna untuk jenayah *scam* dan penipuan identiti. Malah, laporan berita pada awal tahun ini menunjukkan bahawa jumlah panggilan *scam* pada 2024 mencecah 2.98 juta, iaitu hampir dua kali ganda berbanding 1.63 juta pada 2023.”

“Dengan menggunakan identiti digital yang sah, kita dapat mengurangkan risiko jenayah sebegini, memperkukuh kepercayaan digital dan meningkatkan keselamatan, di samping mengurangkan ketirisan dalam ekonomi digital.

“Kami juga sedar bahawa privasi dan keselamatan data adalah kebimbangan utama pada masa kini. Ada yang bimbang identiti digital boleh digunakan untuk memantau, menjejak, atau menyimpan maklumat peribadi mereka.

“Hakikatnya, MyDigital ID tidak berfungsi sebegitu. Ia tidak menyimpan data pengguna, menjejak aktiviti dalam talian, atau mengumpul maklumat baharu. Peranannya hanya untuk mengesahkan identiti seseorang apabila mereka memilih untuk log masuk ke sesuatu perkhidmatan.

“Semua ini dilakukan hanya dengan persetujuan dan kawalan penuh pengguna. Prinsip kami mudah: Data anda adalah milik anda. Sentiasa. Dan dengan MyDigital ID, ia kini lebih selamat berbanding sebelum ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai cara penggunaan MyDigital ID mengikut syarikat telekomunikasi masing-masing, pengguna dinasihatkan untuk merujuk dan melayari laman web penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang dilanggan.

- TAMAT -

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang direka untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi. MyDigital ID mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan diri. Muat turun aplikasi MyDigital ID melalui gedung aplikasi utama; Google Play Store, Apple App Store dan Huawei App Gallery. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my.

Untuk sebarang pertanyaan media sila emel**: **communications@myid.my